

30 SEP 2000

Mahathir-Haji/I

PERDANA MENTERI TEGUR UMAT ISLAM KERANA BERPECAH DAN BERBUNUHAN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengkritik umat Islam kerana berpecah dan bermusuhan serta berbunuhan sesama mereka walaupun perbuatan sedemikian dilarang agama Islam.

Katanya umat Islam seolah-olah menolak apa yang sepatutnya menjadi asas Islam iaitu mereka adalah satu ummah dan beliau menggesa mereka mengamalkan semangat persaudaraan dan perasaan kekeluargaan seperti yang ditunjukkan oleh umat Islam semasa mengerjakan ibadah Haji.

Sambil menyifatkan bahawa ibadah Haji di kota suci Makkah dan Madinah sebagai satu peristiwa yang tiada tolok bandingnya di dunia, Dr Mahathir berkata pergaduhan dan pembunuhan oleh orang Islam terhadap saudara Islam mereka dilarang di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

"Tetapi orang Islam secara terang-terang tidak mengendahkan larangan itu. Orang Islam bergaduh dan membunuh sesama mereka di mana-mana sahaja," katanya semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Panduan Haji yang pertama di Hotel Palace of Golden Horses di sini.

Perdana Menteri bercakap mengenai bagaimana orang Islam bergaduh dan membunuh sesama mereka di mana-mana sahaja dan bagaimana kadangkala mereka mengutuk musuh Islam sebagai kafir atau murtad sebagai menghalalkan pembunuhan terhadap sesama Islam.

Dr Mahathir berkata adakalanya mereka tidak pun perlu melakukan perkara itu dan mereka hanya menganggap musuh mereka sebagai musuh walaupun sama-sama beragama Islam.

Pada pendapatnya ini menunjukkan bahawa ramai orang Islam telah kembali ke zaman sebelum Islam atau zaman Jahiliah apabila suku-suku kaum Arab menganggap kaum mereka sebagai asas kesetiaan mereka.

"Mereka akan menyebelahi kaum mereka walaupun apa yang dilakukan oleh mereka adalah salah. Hari ini mereka fanatik kepada negara malah parti-parti politik mereka dan sanggup berjuang serta melakukan pembunuhan terhadap orang Islam lain kerana itu.

"Bagi mereka, negara dan parti-parti politik serta kumpulan mereka tidak melakukan kesalahan walaupun mereka jelas melanggar perkara yang dilarang Islam," katanya kepada para menteri Haji dan pegawai kanan daripada lebih 50 negara yang menghadiri persidangan tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata walaupun adanya ibadah Haji, terdapat larangan supaya jangan bermusuhan dan berbunuhan sesama orang Islam, mereka masih tetap berpecah dan bermusuhan tanpa belas kasihan.

Katanya mereka malahan akan menyebelahi orang bukan Islam untuk memastikan supaya musuh Islam mereka dapat dikalahkan, ditindas dan dikuasai oleh mereka.

"Mereka sedikit pun tidak menghiraukan persaudaraan Islam. Mereka akan membangkitkan semangat persaudaraan Islam hanya untuk menghalalkan serangan mereka terhadap orang Islam yang lain."

Mendedahkan lagi tindakan hipokrit umat Islam, Dr Mahathir berkata: "Kesengsaraan orang Islam yang lain tidak memberi apa-apa kesan kepada mereka. Jika ada orang Islam lain yang ditindas malah dibunuh beramai-ramai, mereka sedikit pun tidak akan memberi pertolongan kerana mereka terlalu sibuk dengan pertelingkahan dan permusuhan sesama mereka."

Perdana Menteri juga bercakap mengenai bagaimana umat Islam hari ini telah menjadi kurang toleran berbanding umat Islam pada Zaman Kegemilangan Islam yang bukan sahaja mara menakluki sebahagian besar dunia pada ketika itu tetapi juga menyatukan rakyat daripada pelbagai bangsa dan keturunan dan membangunkan satu empayar yang tidak pernah disaksikan dunia.

"Umat Islam pada Zaman Kegemilangan sudah tentu bersikap toleran kerana mereka bersedia mempelajari ilmu pengetahuan peninggalan cerdik pandai di

zaman terdahulu termasuk oleh ahli falsafah Greek untuk menambah pengetahuan mereka dan menggunakan ilmu yang diperolehi," katanya.

"Tetapi kita tahu bahawa hari ini umat Islam sudah kurang toleran. Kita tidak dapat memastikan bila sebenarnya kita telah menjadi kurang toleran dan menolak apa yang kita anggapkan sebagai tidak Islam dan tidak warak.

"Malah sesetengahnya bersikap melulu menyifatkan apa sahaja yang tiada kena mengena secara langsung dengan pengetahuan Islam dan ibadat Islam sebagai sekular dan mestilah ditolak," kata Dr Mahathir sambil menegaskan bahawa beliau percaya kemerosotan umat Islam bermula daripada sikap tidak toleran dan keterlaluan itu.

Kembali kepada pengerjaan ibadah Haji, Perdana Menteri berkata ibadah haji bukan semata-mata satu ibadat kerana pastinya ada banyak pelajaran daripada ibadah itu bagi umat Islam dan tentunya ada perkara yang signifikan dalam apa yang dikerjakan dan dalam penyerahan diri umat Islam sepenuhnya kepada Allah.

Persidangan itu, anjuran bersama kerajaan Arab Saudi dan Lembaga Tabung Haji Malaysia bertujuan mengembangkan pengetahuan dan pelajaran daripada ibadah haji sebagai panduan untuk pembaikan yang berterusan.

" Umat Islam benar-benar memerlukan panduan kerana ramai daripada kiat telah sesat jalan. Kita mahu kembali ke jalan yang benar," kata Perdana Menteri mengenai kekeliruan di kalangan umat Islam disebabkan pelbagai interpretasi mengenai agama mereka, oleh itu menghalang mereka memperolehi daripada agama ini intipati yang membolehkan mereka menjadi penganut sebenar Islam dan dan menjadi bangsa yang agung sekali lagi.

-- BERNAMA

AU AU RON